

**E-GAMBLING: PRELIMINARY ANALYSIS ON ISSUES AND CHALLENGES IN PROSECUTION UNDER SYARIAH CRIMINAL OFFENCES ENACTMENT IN MALAYSIA**

**JUDI DALAM TALIAN: ANALISIS AWAL ISU DAN CABARAN PENDAKWAAN DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim<sup>i</sup>, Mohd Sobri Faisal<sup>ii</sup> & Ahmad Syukran Baharuddin<sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> Pelajar Program Doktor Falsafah Fiqh Sains dan Teknologi, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. tuanfaris.tf@gmail.com  
<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia. muhammadsobri@utm.my  
<sup>iii</sup> (*Corresponding author*). Profesor Madya, Fakulti Syariah Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadsyukran@usim.edu.my

Received: 10 November 2023

*Article Progress*  
Revised: 15 February 2024

Accepted: 25 July 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>The phenomenon of online gambling in Malaysia has become a significant issue in society, including among the Muslim community. Online gambling is also classified as a syariah criminal offense under Section 18 of the Syariah Criminal Offences Act (Federal Territories) 1997. However, the rapid development of technology and easy access to the internet have posed significant challenges to the prosecution of such crimes. Therefore, the purpose of this study is to identify the issues and challenges in the prosecution of online gambling in the Malaysian syariah courts in more detail and propose appropriate measures to address these problems. This study adopts a qualitative methodology, analyzing syariah enactments, syariah court case documents, and relevant sources to analyze the challenges and issues in the prosecution of online gambling. At the end of the study, several key issues and challenges in the prosecution of online gambling are identified, which need to be addressed. A set of guidelines for the prosecution of online gambling is necessary to be established in line with technological advancements.</i></p> <p><i>Keywords: Online Gambling, Syariah Criminal Offences, Prosecution.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Fenomena perjudian dalam talian di Malaysia telah menjadi isu yang signifikan dalam masyarakat termasuk muslim pada masa kini. Judi dalam talian juga diklasifikasikan sebagai jenayah dibawah Seksyen 18 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Namun begitu, perkembangan teknologi dan akses mudah ke internet menyebabkan pendakwaan terhadap jenayah tersebut menghadapi cabaran yang agak sukar dan kompleks. Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan adalah bagi mengenal pasti isu dan cabaran pendakwaan dalam menghadapi perjudian dalam talian di mahkamah syariah Malaysia secara lebih mendalam seterusnya mengemukakan langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis literatur enakmen dan undang-undang syariah, dokumen-dokumen kes mahkamah, serta sumber-sumber yang relevan untuk mengenalpasti cabaran dan isu-isu pendakwaan dalam menangani perjudian dalam talian. Di akhir kajian, beberapa isu dan cabaran utama dikenalpasti dalam pendakwaan judi dalam talian. Satu garis panduan pendakwaan judi dalam talian perlu diwujudkan seiring dengan perkembangan teknologi.</i></p> <p><i>Kata kunci: Perjudian Dalam Talian, Jenayah Syariah, Pendakwaan.</i></p>

## **PENDAHULUAN**

Perkembangan teknologi dan komunikasi memberikan kesan positif dan negatif. Di satu sisi, ia menyumbang kepada peningkatan kemakmuran, kejayaan, dan kemajuan peradaban. Namun, di sisi lain, teknologi turut dimanipulasi bagi tujuan melanggar perundangan yang sedia ada. Selain itu, teknologi juga mempengaruhi sikap serta gaya hidup masyarakat dengan mewujudkan dunia tanpa batasan. Menurut Abdush Shabur et al. (2022) dalam konteks ini, internet berperanan penting dalam mempercepatkan kemajuan ini.

Sejak akhir-akhir ini, perjudian dalam talian semakin mendapat perhatian dan menjadi fenomena di Malaysia. Kemajuan teknologi dan kemudahan akses ke internet telah membolehkan individu terlibat dalam perjudian melalui platform dalam talian seperti kasino dalam talian, taruhan sukan, dan loteri. Menurut laporan dari Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2023), dalam jangka masa antara tahun 2020 hingga penghujung 2022, SKMM telah mengambil tindakan bagi menyekat sebanyak 6,381 laman web yang berkaitan dengan perjudian dalam talian, atas permohonan rasmi yang diterima daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perjudian dalam talian mempunyai potensi lebih tinggi untuk menghanyutkan individu ke dalam keseronokan yang sia-sia di mana wang dan harta yang berharga terbuang begitu sahaja dalam usaha mengejar kemenangan yang tidak pasti. Seperti perjudian fizikal, amalan perjudian dalam talian juga mampu menghancurkan dan merosakkan kestabilan sebuah keluarga. Mereka yang ketagihan judi seringkali sanggup meminjam wang dari sumber yang tidak sah atau terlibat dengan peminjam wang tidak berlesen, tanpa mengendahkan akibat buruk yang bakal ditanggung.

Dari aspek ekonomi, perjudian dalam talian juga memiliki kesan yang besar. Individu yang terjerat dalam perjudian dalam talian sering menghadapi masalah kewangan yang serius, termasuk kehilangan wang simpanan, terjerat dalam hutang, dan kesulitan bagi memenuhi keperluan asasi. Hakikatnya, perjudian dalam talian adalah isu yang serius dan berat sehingga memberi kesan buruk kepada sosial, politik dan ekonomi apabila tidak dipantau rapi oleh pihak berkuasa (Satar, 2023).

Oleh itu, dalam kajian ini, penulis cuba meneroka dan menganalisis isu dan cabaran dalam pendakwaan judi dalam talian melihat kepada beberapa enakmen kesalahan jenayah Syariah Malaysia. Kecanggihan dan perkembangan perjudian dalam talian di Malaysia telah melahirkan sikap kurang takut atau kurang bimbang di kalangan individu Islam yang terlibat dalam aktiviti ini. Beberapa faktor yang mungkin menyebabkan sikap ini termasuk rasa bahawa perjudian dalam talian tidak dianggap sebagai tindakan yang salah di sisi agama mahupun undang-undang, serta persepsi bahawa pihak berkuasa tidak mampu atau tidak efektif dalam mendakwa mereka yang terlibat dalam aktiviti perjudian.

Kajian ini menerapkan pendekatan metodologi kualitatif dengan menganalisis kajian-kajian yang lepas, enakmen dan undang-undang Syariah, dokumen-dokumen kes mahkamah, serta sumber-sumber yang relevan untuk mengenal pasti cabaran dan isu-isu pendakwaan dalam menangani perjudian dalam talian. Kajian ini memberi fokus kepada pemahaman mendalam dan deskriptif tentang fenomena sosial dan undang-undang. Dalam kajian ini, penulis menganalisis literatur berkaitan dengan enakmen dan undang-undang Syariah yang berkaitan dengan perjudian dalam talian untuk memahami undang-undang dan hukum yang terkait dengan isu ini. Kajian diskopkan hanya kepada perundangan Syariah, tanpa mengulas atau membandingkan dengan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289).

## **JUDI DALAM TALIAN**

Menurut Kamus Dewan (2005), judi diertikan sebagai permainan dengan memakai wang dan lain-lain sebagai taruhan seperti main ceki, main dadu, dan sebagainya. Judi dalam bahasa Arab pula disebut sebagai *al-maisir* atau *al-qimar*, yang merujuk kepada permainan pertaruhan di kalangan orang Arab menggunakan anak panah. Judi juga boleh ditakrifkan sebagai permainan yang melibatkan penggunaan anak batu, dadu, atau sebarang bentuk pertaruhan (Bhari, 2022). Berdasarkan definisi judi dalam *al-Mu'jam al-Wasit* (2004), dapat difahami judi ialah setiap permainan yang padanya terdapat pertaruhan antara dua pihak, di mana sesuatu yang bernilai, sama ada dalam bentuk benda atau material, dipertaruhkan dan diberikan kepada pihak yang menang oleh pihak yang kalah. Allah telah berfirman tentang pengharaman judi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya" (al-Quran. al-Maidah: 90).

Dalam kitab tafsir *Mafatih al-Ghaib* pada perbincangan hikmah di sebalik larangan dan pengharaman judi, Imam Fakhruddin al-Razi (1999) menjelaskan bahawa dosa dan keburukan judi dan pertaruhan terletak pada kemampuannya untuk mencetuskan permusuhan, cercaan, dan pertelingkahan. Selain itu, ia juga merupakan satu bentuk pengambilan harta orang lain secara tidak sah, serta menyebabkan kelalaian dalam mengingati Allah dan melaksanakan solat.

Beliau turut menambah bahawa pertaruhan dalam *qimar* dan *maisir* menimbulkan keinginan untuk menang, terutama selepas mengalami kekalahan sehingga seseorang itu sanggup menghabiskan semua hartanya untuk berjudi, bahkan sampai pada tahap mempertaruhkan ahli-ahli keluarga. Akibatnya, individu yang kalah dalam perjudian ini akan jatuh miskin dan menyimpan dendam yang mendalam terhadap lawannya yang telah menang dan merampas hartanya sehingga pada akhirnya mengakibatkan permusuhan dan kebencian yang berpanjangan dalam masyarakat.

Ibn Taimiyyah (1980) dalam *Majmu' al-Fatawa* mengatakan, mafsadah (kerusakan) yang ditimbulkan oleh judi lebih besar daripada riba kerana ia melibatkan dua bentuk kerusakan. Pertama, memperoleh harta secara haram. Kedua, mafsadah berkaitan dengan kelalaian, di mana perbuatan judi sebenarnya dapat menghalang seseorang daripada menjalankan tanggungjawab seorang muslim seperti lalai dalam menunaikan solat, serta menimbulkan permusuhan dan kebencian. Oleh sebab itu, pengharaman judi diturunkan lebih awal berbanding riba.

Definisi dalam talian pula merujuk kepada sesuatu yang berada di bawah kawalan langsung unit pemprosesan utama komputer atau dalam keadaan aktif dan bersambung terus kepada sistem utama komputer (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Melalui definisi tersebut, judi dalam talian dapat difahami sebagai pertaruhan yang dilakukan secara maya, bukan secara fizikal. Namun, selagi mana sesuatu permainan memenuhi unsur-unsur judi, walaupun dilakukan secara dalam talian, hukumnya tetap haram dan tidak berubah sebagaimana pengharaman judi yang jelas dalam Islam. Menurut Bhari (2022) terdapat pelbagai bentuk judi yang diolah mengikut perkembangan zaman terkini. Masyarakat perlu berwaspada dengan kepelbagaian adaptasi judi yang berselindung di sebalik nama-nama lain seperti pertandingan atau sukan.

Oleh itu, fenomena judi dalam talian perlu dibendung dan langkah-langkah tegas perlu diambil untuk mengawal dan mendakwa mereka yang terlibat dalam aktiviti judi dalam talian demi melindungi masyarakat secara keseluruhannya. Tambahan pula, perbuatan judi menggunakan gajet atau computer melalui internet telah membuka ruang keburukan yang lebih besar dan mudah kepada semua lapisan umur.

## ISU DAN CABARAN

Pendakwaan kes-kes perjudian dalam talian di bawah Akta dan Enakmen-Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia menghadapi beberapa isu dan cabaran yang kompleks. Isu-isu dan cabaran ini meliputi:

### 1. Penjejakan Aktiviti dan Transaksi

Menurut Musa (2021) perjudian dalam talian melibatkan transaksi serta aktiviti digital yang sering kali tersembunyi dan sukar dipantau oleh pihak berkuasa. Dengan penggunaan teknologi canggih, transaksi ini boleh disamarkan melalui pelbagai saluran dan platform sehingga menjadikannya lebih sukar untuk dikesan dan dikawal. Situasi sebegini menyukarkan penguatkuasaan undang-undang dan meningkatkan risiko berlakunya aktiviti haram yang berkaitan dengan perjudian dalam talian. Dalam hal ini, penulis melihat, pihak penguatkuasa perlu menguasai kemahiran dan teknik bagi mengesan bukti digital yang ditinggalkan dan membuktikan keterlibatan individu dalam perjudian dalam talian. Ini termasuklah pemahaman tentang algoritma enkripsi (*encryption*), kaedah pembayaran digital melalui *Payment Gateway*

seperti Palpay, Alipay, Skrillz dan Bitcoin yang sering digunakan dalam perjudian dalam talian serta sistem yang digunakan dalam platform perjudian dalam talian. Malah berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Buletin TV3 (2024) terdapat satu platform FPX bernama 'MyPay88' yang berfungsi sebagai perantara untuk pemain-pemain judi melakukan pembayaran sebelum memulakan pertaruhan telah dibangunkan oleh sindiket FPX.

Selain itu, penggunaan 'cryptocurrency' dalam transaksi perjudian turut menjadi fenomena yang semakin berkembang. 'Cryptocurrency' seperti Bitcoin menyediakan tahap keselamatan dan perlindungan privasi yang tinggi sehingga menjadi antara pilihan popular di kalangan pelaku perjudian dalam talian (Delfabbro & King, 2023). Bitcoin juga dilengkapi dengan ciri-ciri pseudonymous. Dalam rangkaian blok Bitcoin, meskipun pengguna boleh disambungkan kepada alamat Bitcoin awam, identiti sebenar di sebalik alamat tersebut tetap akan disembunyikan dan agak sukar untuk dikesan oleh pihak lain (Bao et al., 2019). Sebagai contoh, apabila seseorang mengiriskan Bitcoin, penerima hanya akan mengetahui alamat Bitcoin penghantar, tetapi bukan alamat sebenar atau maklumat peribadi penghantar yang berkaitan dalam transaksi tersebut. Dalam erti lain, setiap transaksi Bitcoin yang dijalankan tidak terikat kepada identiti sebenar individu yang terlibat. Oleh itu, pihak penguatkuasa perlu memahami prinsip dan algoritma yang mendasari 'cryptocurrency' serta memahami cara menganalisis transaksi dalam blockchain untuk mengumpulkan bukti yang sah terkait dengan perjudian dalam talian.

Dalam pada itu, pemahaman yang mendalam mengenai sistem teknologi yang digunakan dalam platform perjudian dalam talian adalah sangat signifikan melihat kepada kesukaran penjejakan aktiviti tersebut. Pihak penguatkuasa perlu memahami sistem laman sesawang yang digunakan, mekanisme pembayaran, cara permainan berfungsi, dan proses penarikan dana yang diaplikasikan dalam platform tersebut. Dengan pengetahuan yang komprehensif tentang sistem ini, pihak penguatkuasa dapat mengenal pasti elemen-elemen kesalahan dan pelanggaran yang berlaku sekali gus mengumpulkan bukti yang mencukupi untuk tindakan pendakwaan.



Rajah 1: Gambaran Proses Enskripsi

Sebagai contoh merujuk Rajah 1, salah satu mekanisme untuk meningkatkan perlindungan data daripada mudah dikesan pihak ketiga adalah melalui penggunaan teknologi enkripsi. Menurut Primartha (2011) teknologi ini mengubah data yang dikirimkan ke dalam bentuk yang sukar dikesan atau dibaca oleh pihak yang berautoriti. Enkripsi adalah proses yang dilakukan bagi melindungi data (*plaintext*) dan diubah kepada data yang tersembunyi disebut ciphertext. Ciphertext adalah data yang sudah diolah dan tidak dapat dibaca dengan mudah atau dalam terminologi yang lebih tepat digunakan adalah *encipher*. Sebaliknya, proses mengubah ciphertext kembali ke bentuk asalnya dikenali sebagai dekripsi atau *decipher*. Oleh itu, penguatkuasa seharusnya mengikuti perkembangan teknologi terkini dalam perjudian dalam talian. Perubahan teknologi dapat mempengaruhi cara transaksi dan aktiviti perjudian dilakukan. Pihak penguatkuasa juga perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran digital yang diperlukan bagi menghadapi kemungkinan teknologi baru yang akan datang. Tidak dapat dinafikan, dalam penglibatan pendakwaan ini sebenarnya memerlukan sokongan dari pihak digital forensik seperti SKMM.

## 2. Penyitaan dan Penyimpanan Bukti Digital

Penyitaan dan penyimpanan bukti digital menjadi aspek penting dalam membantu perjalanan sesuatu percakapan berjalan dengan lancar (Yahya et al., 2021a). Perjudian dalam talian melibatkan pelbagai bentuk bukti digital, termasuk rekod transaksi, sejarah permainan, dan

komunikasi yang terjadi di platform perjudian (Huang et al., 2022). Pendakwa perlu memastikan bahwa bukti-bukti ini diperoleh dengan cara yang sah dan dapat dijadikan sebagai bahan pembuktian di perbicaraan dengan menepati prinsip syariah berkaitan kerelevanan, nilai probatif, nilai koroboratif, rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan untuk menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen digital (Yahya et al., 2021b).

Penyitaan bukti digital harus dilakukan dengan penuh cermat dan teliti. Pendakwa harus memiliki pemahaman yang mendalam tentang teknologi dan sistem yang digunakan dalam platform perjudian dalam talian bagi membolehkan pengidentifikasian dan menyita bukti digital yang relevan. Proses penyitaan bukti digital harus dilakukan di bawah satu prosedur undang-undang yang selaras demi memastikan bahwa bukti digital tidak dimanipulasi atau dihapus bagi menggunakannya dalam proses perbicaraan (Yahya et al., 2021b). Oleh hal demikian, pada hemat penulis proses pengumpulan dan analisis bukti digital harus dilakukan secara berhati-hati dan perlu dikelola oleh pegawai digital forensik yang bertauliah.

Setelah bukti digital berhasil disita, langkah seterusnya adalah dengan menyimpan bukti atau data dengan selamat untuk keperluan perbicaraan. Bukti digital harus disimpan dalam lingkungan yang terlindungi, agar tidak hilang atau rosak rantaianya selama proses penyimpanan. Sistem penyimpanan pula seharusnya mematuhi standard keselamatan dan privasi yang ketat untuk melindungi keabsahan bukti digital.

Tambahan pula, penyimpanan bukti digital juga harus mempertimbangkan kemungkinan adanya perubahan teknologi atau format fail dalam tempoh masa yang lama. Oleh sebab itu, pendakwa perlu memastikan bahwa bukti digital disimpan dalam format yang dapat diakses dan dibaca dengan mudah di masa depan.

Dalam menghadapi isu ini, penulis melihat pihak penguatkuasa dan pendakwa harus didedahkan dengan kemahiran dan prosedur dalam pengumpulan, analisis, dan penyimpanan bukti digital bukan semata-mata melepaskan kepada pihak lain. Sokongan dan kerjasama daripada pegawai digital forensik dan teknologi maklumat juga dapat menjadi nilai tambah dalam menghadapi kesukaran serta memastikan bahwa kes perjudian dalam talian dapat ditangani secara adil dan efektif di pendakwa.

### **3. Bidang Kuasa Negeri-Negeri**

Bidang kuasa wilayah adalah salah satu isu penting dalam pendakwaan kes perjudian dalam talian di bawah enakmen syariah. Perjudian dalam talian sebenarnya melintasi batas geografi negeri-negeri dan merumitkan penentuan kuasa undang-undang setiap negeri yang berwenang untuk melakukan pendakwaan. Dalam konteks Malaysia, setiap negeri memiliki enakmen syariah yang mengatur bidang kuasa wilayahnya.

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai II menyatakan dalam Butiran 1 bahawa urusan berkaitan hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh sebab itu, penentuan bidang kuasa dalam pendakwaan perjudian dalam talian mengalami kesukaran kerana perlu mematuhi ketentuan yang ditetapkan dalam enakmen syariah negeri yang berkenaan. Hal ini disebabkan oleh bidang kuasa undang-undang syariah yang berfungsi sebagai undang-undang negeri dan tidak berpusat sebagai mana undang-undang Persekutuan. Setiap negeri memiliki hak autonomi tersendiri yang harus dihormati dan setiap jenayah syariah telah diperincikan dalam enakmen negeri masing-masing, termasuklah isu kesalahan jenayah syariah judi secara umum. Sebagai contoh, dua enakmen jenayah syariah negeri dilampirkan, salah satunya adalah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

Seksyen 18. Berjudi.

- (1) *Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*
- (2) *Dalam seksyen ini, "rumah judi" ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib*

atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapatkan wang atau nilai wang.

Selain itu, Enakmen 4 Tahun 1992 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004:


*Seksyen 79A. Judi.*

- (1) *Mana-mana orang yang berjudi atau didapati berada di tempat perjudian adalah bersalah atas suatu kesalahan dan bolehlah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*
- (2) *Bagi maksud subseksyen (1)—  
"tempat perjudian" ertinya mana-mana premis yang terbuka atau tertutup, dan termasuk bilik, pejabat atau gerai, yang digunakan atau diselenggarakan untuk perjudian, tidak kira sama ada orang awam atau segolongan orang awam mempunyai akses kepadanya atau tidak.*

Jika dilihat kepada kedua-dua enakmen tersebut, pelaku judi dalam talian masih termasuk dalam ruang lingkup "mana-mana orang berjudi", selagi mana perbuatan tersebut memenuhi unsur-unsur judi ia boleh dan perlu didakwa dibawah enakmen kesalahan jenayah syariah, judi.

Seterusnya, berdasarkan kedua enakmen tersebut juga sebenarnya platform perjudian dalam talian seperti melalui sesawang (*website*) atau aplikasi dapat dikira sebagai premis dalam talian atau tempat perjudian maya dan masih berada di ruang lingkup "rumah judi" atau "tempat perjudian" dan tidak bercanggah dengan mana-mana enakmen atau akta. Tambahan lagi seorang Hakim mempunyai hak kuasa untuk menafsir undang-undang dan tidak terikat dengan doktrin duluan kehakiman atau disebut '*stare decisis*' tetapi masih mengiktiraf dan menghormati konsep '*jurisprudence constante*'.

Maka kerjasama antara pihak penguatkuasa dan autoriti di negeri tempat perjudian berlangsung dan negeri yang berwenang menjadi penting dalam menangani isu bidang kuasa negeri. Pihak berkuasa perjudian dalam talian dan pendakwaan perlu berkoordinasi untuk memastikan bahwa jenayah perjudian dalam talian yang melibatkan negeri yang berbeza dapat ditangani dengan tepat bersesuaian dengan ketentuan undang-undang yang berlaku di tempat masing-masing. Hal ini demikian kerana isu dan cabaran pendakwaan perjudian dalam talian mungkin akan melibatkan transaksi atau aktiviti perjudian yang melintasi batas geografi negeri. Contohnya merujuk rajah 2, jika seorang individu mendaftar perjudian melalui platform perjudian dalam talian di negeri B, tetapi berjudi di negeri C, manakala premis perjudian dalam talian berpusat di negeri A, maka penentuan pihak pendakwaan yang berwenang untuk melakukan pendakwaan menjadikan tidak teratur, dimanakah perlu dimulakan proses pendakwaan?



Rajah 2: Gambaran Aktiviti Perjudian Merentas Batas Geografi Negeri Oleh Penulis

Tambahan pula, proses pendakwaan dapat dimulakan apabila seseorang hanya berada di tempat perjudian berdasarkan subsekyen 2 di hampir semua enakmen jenayah syariah negeri, antara persoalan yang penting, adakah pendaftaran akaun di platform judi juga dianggap sama iaitu berada di tempat perjudian? Bagaimana pula jika pendaftaran dalam talian di platform judi serta permainan judi dimulakan di tempat negeri yang berlainan. Oleh itu, tidak dapat tidak pihak yang berautoriti perlu melibatkan kerjasama antara pihak penguatkuasa bahagian perjudian dalam talian, pihak polis, dan pendakwa dari negeri yang terlibat.

#### 4. Limitasi Hukuman dibawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, yang juga dikenali sebagai Akta 355, adalah undang-undang yang memberikan kuasa kepada mahkamah syariah bagi menjatuhkan hukuman dan menetapkan bentuk-bentuk hukuman yang dibenarkan dalam bidang kuasa jenayah di Mahkamah Syariah. Akta ini merupakan asas utama yang memberikan bidang kuasa kepada mahkamah-mahkamah syariah yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri di Malaysia bagi mengendalikan kesalahan-kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang Islam.

Salah satu tujuan utama Akta 355 adalah untuk memberikan kawalan dan pelaksanaan hukuman dalam bidang jenayah di bawah undang-undang Islam. Mahkamah-mahkamah syariah yang dibentuk di bawah undang-undang negeri memiliki bidang kuasa untuk mendengar dan menangani kesalahan-kesalahan jenayah yang terjadi di kalangan orang-orang Islam di Malaysia. Pada tahun 1984, peruntukan akta ini telah dipinda dan membenarkan kuasa kepada mahkamah syariah menjatuhkan hukuman maksimum berupa denda sebanyak RM5,000.00, atau penjara maksimum selama 3 tahun, atau sebatan sebanyak 6 kali, atau gabungan antara hukuman-hukuman tersebut (Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]).

Persoalannya, dengan peredaran masa kini, sejauh mana keberkesanan keterbatasan hukuman '356' iaitu maksimum tiga tahun penjara, denda RM5,000 dan enam kali sebatan. Lebih-lebih lagi kebiasaannya Enakmen Jenayah Syariah di negeri-negeri di Malaysia tidak mengenakan sebatan dalam dalam kebanyakan jenayah syariah. Tambahan pula, kebiasaan hakim hanya mengenakan bayaran denda tanpa penjara atau sebatan pada pelaku jenayah kali pertama membuatkan pelaku jenayah tidak gerun untuk melakukan jenayah malah dapat dilihat terdapat bekas penjenayah mengulangi jenayah buat kali kedua atau ketiga.

Jadual 1: Statistik Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Terengganu dan Pahang tahun 2021-2022

BIL	Negeri	Jumlah Kes Jenayah Syariah	
		Tahun 2021	Tahun 2022
1.	Terengganu	426	528
2.	Pahang	671	915
	Jumlah Keseluruhan	1097	1443

Sumber: Laman web rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dan Pahang.

Merujuk kepada Jadual 1, statistik kes kesalahan jenayah syariah di negeri Terengganu dan Pahang bagi tahun 2021 dan 2022. Jika dilihat bagi kesalahan jenayah syariah di Terengganu pada tahun 2021 adalah 426 manakala tahun 2022 adalah 528. Terdapat peningkatan sebanyak 102 kes jenayah di Terengganu manakala 244 kes di Pahang antara tahun 2021 dan 2022. Tidak dapat dinafikan jumlah peningkatan tersebut agak ketara memandangkan kedua-dua negeri tersebut mempunyai rekod kes jenayah yang terendah antara negeri-negeri lain di Malaysia. Persoalannya, adakah batas hukuman '356' yang diberikan mencapai maqasid Syariah dalam menggerunkan dan memberi pengajaran kepada orang Islam di luar sana sekaligus mengurangkan kes-kes jenayah?

Melihat dari perspektif jenayah judi pula, wang pertaruhan yang dimainkan bukanlah sebanyak dua atau tiga angka sahaja, kebiasaannya melibatkan ribu bahkan puluhan ribu Ringgit Malaysia. Dapat dilihat dengan berluasnya permainan judi dalam kalangan muslim,

batas hukuman '356' tidak menggerunkan mereka, seolah olah mereka sanggup membayar denda disebabkan nilai yang agak rendah dan mampu di sisi mereka.

Oleh hal demikian, melihat kepada kes jenayah yang berluasa termasuk perbuatan jenayah yang belum ditangkap dan didakwa, penulis berpendapat batas hukuman '356' ini perlu ditajdidkan, dibuat kajian yang serius seterusnya dipinda mengikut kesesuaian dan keberkesanan dengan secepatnya berdasarkan maqasid syariah dan *fiqh waqi'*. Hakim yang bertugas pula perlulah menggunakan semaksimum kuasa dalam menjatuhkan hukuman berdasarkan Akta 355. Melihat kepada majoriti kes jenayah yang berlaku di Malaysia, hukuman yang dijatuhkan hanya sekitar RM2000 sahaja dan diberi amaran peningkatan hukuman untuk kesalahan kali kedua dijatuhkan. Hukuman sebegini sebenarnya tidak memberi pengajaran kepada OKT malah tidak mencapai maqasid yang diinginkan bagi membanteras jenayah.

Jenayah yang berlaku pula kebiasannya akan berantai dengan jenayah lain sehingga meninggalkan *dharar* kepada orang yang tidak bersalah. Contohnya, merujuk kes tuntutan Fasakh *Dk Hjh Suhani bt Pg Dato Hj Abidin v Hj Mohammad Shahbrin bin Hj Ahmad [2011] 3 SHLR 99*, dalam kes ini plaintif telah memberikan sebab di atas tuntutan *dharar* syariahnya di samping alasan judi, terdapat juga alasan lain seperti defendan juga telah menggunakan kekerasan fizikal terhadap plaintif dan menggunakan wang plaintif untuk segala perbelanjaan menyebabkan plaintif berada dalam kesulitan dan secara langsung tindakan defendan tersebut telah melupuskan harta plaintif.

Selain itu, dalam kes tuntutan fasakh *BB v SS [2019] 2 SHLR 57*, defendan telah didakwa oleh plaintif kerana tidak bekerja dan sebaliknya melakukan perkara yang tidak bermanfaat. Antara tuduhan yang dilemparkan termasuklah menjadi tokan syabu, suka berfoya-foya, bermain judi, minum arak, dan kerap memukul plaintif tanpa sebab yang munasabah. Tuduhan-tuduhan ini memperlihatkan tingkah laku yang tidak bertanggungjawab dan melanggar norma-norma akhlak serta undang-undang, sekali gus menjadi asas kepada tuntutan fasakh oleh plaintif yang berusaha mendapatkan keadilan di mahkamah syariah.

Maka, tidak dapat dinafikan bahawa kes judi boleh membawa kepada perbalahan rumah tangga, kes pencurian, dan perompakan disebabkan oleh kemerosotan kewangan. Aktiviti judi sering kali mengakibatkan ketagihan, yang seterusnya memaksa individu mencari sumber kewangan dengan cara yang tidak sah, seperti mencuri atau merompak. Kesannya, institusi keluarga terjeja, dan kadar jenayah meningkat dalam masyarakat.

Oleh itu, limitasi hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 menjadi isu dan cabaran yang perlu diambil serius. Akta ini membataskan kuasa mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah jenayah syariah, termasuk kes-kes berkaitan judi. Untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan, terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji semula dan memperkukuhkan akta tersebut, agar hukuman yang dikenakan lebih bertepatan dengan keseriusan jenayah yang dilakukan, sekaligus menjadi langkah pencegahan yang lebih berkesan dalam membanteras jenayah judi dalam masyarakat di Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Jenayah judi di Malaysia berkembang seiring dengan perkembangan teknologi. Malah jenayah ini juga membawa kepada jenayah lain sehingga melakukan *dharar* pada orang yang tidak bersalah. Pada zaman kini, kebanyakan judi dilakukan secara dalam talian menyebabkan pelbagai isu dan cabaran yang perlu dikaji bagi membantu pendakwaan judi dalam talian di mahkamah seterusnya memerlukan pemahaman yang mendalam tentang teknologi digital serta bantuan pakar dalam menghadapi perkembangan teknologi terkini. Dalam kerangka membanteras jenayah ini, penulis berpendapat perlu diwujudkan satu garis panduan pendakwaan judi dalam talian yang teliti seiring dengan perkembangan teknologi. Kajian ini mencadangkan suatu kajian lanjut melihat kepada aspek pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil dalam kes judi dalam talian.

## RUJUKAN

### Akta

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355].

### Buku

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan : Edisi Keempat. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hussin, Z. (2022). *Pemetaan Seksyen Seksyen 26, Enakmen 3 Tahun 1992, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 Dari Pespektif Perundangan Syariah*. Wacana Ilmiah Jabatan Syariah Edisi 1.0,

Ibn Taymīyah, A. 'A. H. (1980). *Majmu' fatawa Shaykh al-Islam Ahmad ibn Taymīyah*. Darul Fikr.

Majmu' Lughah Arabiyah. (2004). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Maktabah Syurk Dauliyah.

'Umar Rāzī, F. M. (1999). *Mafātiḥ al-Ghayb*. Dār Iḥyā' al-Turāth al'Arabiy.

### Jurnal

Abdush Shabur, M. I., Romi, M., & Resdati. (2022). Judi Sepak Bola Online Pada Kalangan Mahasiswa Muslim Di Universitas Islam Riau. *Jurnal Cakrawala Ilmiah*, 1(7), 1625–1632.

Bao, S., Cao, Y., Lei, A., Asuquo, P., Cruickshank, H., Sun, Z., & Huth, M. (2019). Pseudonym Management Through Blockchain: Cost-Efficient Privacy Preservation on Intelligent Transportation Systems. *IEEE Access*, 7, 80390–80403. <https://doi.org/10.1109/access.2019.2921605>

Buang, A. H., Mat Hussin, M. N., & Daud, M. Z. (2022). Penghakiman Mahkamah Syariah Malaysia: Analisis Kes-Kes Terpilih. *Jurnal Syariah*, 29(3), 509–534.

Delfabbro, P., & King, D. (2023). The evolution of young gambling studies: digital convergence of gaming, gambling and cryptocurrency technologies. *International Gambling Studies*, 23(3), 1–14. <https://doi.org/10.1080/14459795.2023.2171469>

Ismail, S. Z. (2008). Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, 16(3), 537–554.

Jamal, J., & Hashim, H. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Ulum Islamiyyah*, 12, 87–103.

Yahya, M. A., Mohamad Dahalan, H., & Saifuddin, S. (2021b). Analisis Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik Dalam Kes Jenayah Syariah. *Jurnal Islamiyyat*, 43(Isu Khas).

Yahya, M. A., Mohd Sharif, A. A., & Hashim, F. Y. (2021a). Keterangan Dokumen Elektronik: Proses Pengumpulannya di Peringkat Pra Perbicaraan dalam Kes Mal Syariah di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 28, 67–77. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-28-07>

### Seminar

Afandi, M., Hafiz, I., Muhamad, & Yahaya, H. (2022). *Peranan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Menangani Isu Gejala Sosial Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia*. International Conference In Research And Practice In Sciences, Technology, and Social Sciences, UiTM Kampus Dengkil.

Hashim, H., Fattah, W., Ismail, W., Syukran Baharuddin, A., Mutalib, A., Mohammed, B., Hassan, M., & Jusof, N. (2022). *Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Satu Penjelasan Dari Sudut Pentafsiran Dan Keperluan Kepada Penilaian Terhadap Peruntukan Perundangan Di Dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri*. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIC 2022).

Huang, R.-T., Shih, C.-H., Lin, T.-C., & Lin, W.-Y. (2022). *The Study on Illegal Online Gambling Investigation in Taiwan*. 26th International Conference on Knowledge-Based and Intelligent Information & Engineering Systems (KES 2022), 207.

### **Laman Sesawang**

- Bhari, A. (2022). Hukum pengharaman judi. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/12/913081/hukum-pengharaman-judi> (diakses pada 18 Julai 2023)
- Buletin TV3. (2024). 42 akaun bank sindiket tawar kemudahan FPX untuk judi dalam talian dibekukan. <https://www.buletintv3.my/jenayah/42-akaun-bank-sindiket-tawar-kemudahan-fpx-untuk-judi-dalam-talian-dibekukan/> (diakses pada 28 Jun 2024)
- Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. (t.t). Statistik Perkhidmatan Online. <https://jksp.pahang.gov.my/index.php/ststistik-perkhidmatan-online/> (diakses pada 19 Julai 2023)
- Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu. (t.t). Statistik Tahunan Pendaftaran Kes Mal & Jenayah. <https://syariah.terengganu.gov.my/index.php/hubungi-kami/statistik-tahunan-kes-mal-jenayah> (diakses pada 19 Julai 2023)
- Luno. (2023). Keselamatan Pada Rangkaian Blok Bitcoin. (2023, February 3). Luno. <https://discover.luno.com/my/keselamatan-pada-rangkaian-blok-bitcoin/> (diakses pada 20 Julai 2023)
- Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC). (2020). Judi Dalam Talian: Mcmc Sekat 6,381 Laman Sesawang Judi Dalam Talian Bagi Tempoh Antara 2020 Hingga Akhir 2022. <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/judi-dalam-talian-mcmc-sekat-6-381-laman-sesawang> (diakses pada 20 Julai 2023)
- MStar. (2013). Persatuan Peguam Syarie Sokong Pinda Hukuman Maksimum Syariah – Semasa. <https://www.mstar.com.my/Lokal/Semasa/2013/11/08/Persatuan-Peguam-Syarie-Sokong-Pinda-Hukuman-Maksimum-Syariah> (diakses pada 19 Julai 2023)
- Musa, A. (2021). Judi atas talian semakin diminati, elak dihidu polis. Kosmo Digital. <https://www.kosmo.com.my/2021/12/29/Judi-Atas-Talian-Semakin-Diminati-Elak-Dihidu-Polis/> (diakses pada 28 Jun 2024)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Bayan Linnas Siri Ke-207: Bahaya Judi. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3619-bayan-linnas-siri-ke-207-bahaya-judi> (diakses pada hh bulan tahun)
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu @PRPM. (2017). [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my) (diakses pada 28 Jun 2024)
- Satar, A. (2023). Judi Dalam Talian Dinaungi Ahli Politik Boleh Hancurkan Negara. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1115543/judi-dalam-talian-dinaungi-ahli-politik-boleh-hancurkan-negara> (diakses pada 17 Julai 2023)
- Setiawan, R. (2021). Konsep Enkripsi & Dekripsi Untuk Keamanan Data. <https://www.dicoding.com/blog/enkripsi-untuk-keamanan-data/> (diakses pada 20 Julai 2023)

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*